

SOALAN NO.: 27

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH

KAWASAN : SETIU

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH (SETIU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan status projek naik taraf jalan di Jalan Persekutuan FT 03 laluan Kuala Terengganu-Kota Bharu di Sungai Lerek, Setiu di bawah Pakej Naik Taraf kilometer-kilometer yang bermula di KM51-KM54 di mana sepanjang 1.5KM laluan tersebut iaitu dari KM 52.5-KM54 tidak dilaksanakan walaupun pengambilan tanah bagi laluan tersebut telah dibuat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pengambilan tanah untuk keseluruhan jajaran projek naik taraf Jalan Persekutuan 3, KM51 – 54 telah dibuat pada tempoh RMKe-9 (2006 – 2010). Walau bagaimanapun pembinaan fizikal untuk laluan di KM52.5 – KM54 di Kg. Sungai Lerek, Setiu terpaksa ditangguhkan pada masa itu berikutan proses pengambilan tanah yang mengambil tempoh masa yang lama, dan ditambah pula oleh masalah kekangan peruntukan. Kementerian ini telah memohon semula peruntukan untuk melaksanakan baki laluan yang terlibat untuk projek ini dalam RMKe-10 (2011 – 2015) tetapi tidak diluluskan Agensi Pusat. Sehubungan itu kementerian ini telah mengemukakan permohonan baru kepada Agensi Pusat untuk melaksanakan projek ini dalam RMKe-11 (2016 – 2020).

Sekian. Terima kasih.